



KENYATAAN TAWARAN

PEJABAT KESIHATAN KOTA BHARU

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala berkenaan bagi menyertai Sebutharga berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
PKDKB/(S)/SH/40 /2017 (PEROLEHAN)	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER DAN CARTRIDGE KE PEJABAT KESIHATAN DAERAH KOTA BHARU	020601

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **06.08.2017** di Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu, Kelantan dengan membawa Cop Syarikat/ 'Business Card' dan sijil asal atau salinan sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan semasa mengambil Dokumen Sebutharga untuk tujuan rekod.

Tawaran hendaklah dimasukkan bersama salinan SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN dalam kod bidang seperti di atas dan SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan Penyata Akaun Bank bagi Tiga (3) bulan terakhir ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutharga bagi Tawaran Teknikal (Tanpa Harga) dan Tawaran Harga untuk dimasukkan ke dalam Peti Tender/ Sebutharga yang ditetapkan di Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari, **15.08.2017**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

Pembekal hanya dibenarkan mengemukakan Satu (1) tawaran sahaja bagi setiap sebutharga. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan akan ditolak. Pembekal hendaklah menghantar salinan Katalog setiap kali menyertai tawaran. Borang Lampiran Q wajib dikembalikan ke Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu, Kelantan walaupun TIADA tawaran dari syarikat/pembekal.

.....
(DR. ABDUL HARIS BIN MUHAMMAD)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu

Tarikh: